

Headline	Rakyat 75 tahun ke atas diutamakan tunai haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	12	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	149 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,133



# Rakyat 75 tahun ke atas diutamakan tunai haji

**Lembaga** Tabung Haji (TH) mengutamakan rakyat berusia 75 tahun ke atas untuk menunaikan haji berikutan bilangan yang menunggu giliran kini mencecah 1.3 juta orang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (**gambar**), berkata daripada senarai menunggu itu, 14,000 adalah warga tua mengikut takrifan TH iaitu berusia lebih 75 tahun.

Bagaimanapun, katanya, mereka tidak boleh menunaikan haji sekali gus kerana akan menjaskan operasi pengurusan penjagaan kesihatan dan pengawalan kerana perlu memberi

tumpuan kepada kelompok ini.

## Daftar haji kedua selepas 5 tahun

“Namun, golongan itu akan mendapat keistimewaan berdasarkan kuota yang ditetapkan,” katanya menjawab soalan tambahan Che Mohamad Zulkifly Jusoh (BN-Setiu) pada di Dewan Rakyat, semalam.

Jamil Khir berkata, mereka yang baru pulang mengerjakan haji juga tidak dibenarkan mendaftar untuk menunaikan ibadat kali kedua dalam tempoh lima tahun.

Sebaliknya, mereka dicadang-

kan mengerjakan umrah bagi memberi lajuan kepada orang lain menunaikan haji.

“Apabila sudah dibenarkan mendaftar untuk mengerjakan haji selepas lima tahun pun, mereka yang sudah mengerjakan haji tidak akan diberi keutamaan.

“Namun kelonggaran akan diberikan kepada mereka yang menghadapi masalah ketika mengerjakan haji buat pertama kali seperti tidak sempat menunaikan perkara tertentu,” katanya.

Terdahulu, dalam jawapan kepada soalan asal Che Mohamad Zulkifly, beliau berkata jumlah jemaah haji Malaysia tahun ini ialah 21,960 orang.